

**Mereka yang Terpinggir: Aktiviti Ekonomi Warga Tua  
dalam Arus Pembangunan Pelancongan di Pulau Perhentian**

NORIZAN ABDUL GHANI  
WAN IBRAHIM WAN AHMAD  
SULAIMAN MD YASSIN  
WAN SALIHIN WONG ABDULLAH

**Abstrak**

*Pembangunan selalunya meninggalkan kesan tertentu kepada penduduk tua. Pembangunan boleh mewujudkan banyak peluang pekerjaan tetapi peluang ini lebih banyak dinikmati oleh generasi muda. Warga tua secara umumnya menjadi golongan yang terpinggir yang tetap meneruskan pekerjaan tradisi. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan kegiatan ekonomi warga tua dalam arus pembangunan pelancongan di Pulau Perhentian, Terengganu. Hasil kajian menunjukkan kegiatan ekonomi warga tua masih tertumpu kepada aktiviti penangkapan ikan, dan pelbagai pekerjaan tradisional yang lain, seperti menjual hasil tanaman dan mengusahakan gerai makanan.*

**Kata kunci:** Penuaan penduduk, penduduk tua, warga tua.

**Abstract**

*Development generally produced certain impacts on older people. Despite development creates a lot of employment opportunities, these opportunities only suitable for younger generation. The elderly in general are becoming more marginalized and still continue their traditional activities. This paper aims at discussing the economic activities of the elderly in the tourism development in Pulau Perhentian, Terengganu. Results indicated that economic activity of the elderly is still on fishing activities, and many other traditional occupations, such as selling vegetable crops and managing food stalls.*

**Keywords:** Population ageing, older population, elderly.

**Pengenalan**

Sejak penerbitan hasil kajian mengenai *socio-economic consequences of the ageing of population survey 1986* (Masitah & Nazileh, 1988) sekarang

ini warga tua telah menjadi tumpuan penyelidikan utama di Malaysia (Wan Ibrahim Wan Ahmad, Norruzeyati Mohd Nasir & Zainab Ismail, 2008). Selaras dengan itu, pelbagai maklumat mengenai warga tua di Malaysia, seperti umpamanya maklumat mengenai persoalan pertumbuhan dan taburan keruangan, hubungan sosial dan pengaturan tempat tinggal, sokongan sosial dan penjagaan, pemakanan dan kesihatan, kesejahteraan dan beberapa aspek yang lain telah dapat didokumentasikan (Wan Ibrahim Wan Ahmad, 2007). Walaupun kajian warga tua, iaitu kajian ke atas penduduk berumur 60 tahun dan ke atas telah meluas, dan pelbagai maklumat telah dapat didokumentasikan, tetapi maklumat tersebut tertumpu kepada warga tua yang tinggal di daratan, bukan tinggal di pulau. Oleh itu, persoalan mengenai warga tua yang mendiami pulau pelancongan masih belum diteroka sepenuhnya. Dalam usaha memenuhi kekosongan ini, makalah ini cuba memperihalkan aktiviti ekonomi warga tua di sebuah pulau pelancongan di Malaysia, iaitu Pulau Perhentian, Terengganu.

Pulau Perhentian merupakan salah satu daripada dua buah pulau berpenduduk di Negeri Terengganu dan pulau peranginan yang terkenal di negara ini. Terletak kira-kira 10.8 batu nautika (20 kilometer) ke timur laut Kuala Besut, Pulau ini terbahagi kepada dua buah pulau, iaitu Pulau Perhentian Kecil dan Pulau Perhentian Besar di samping beberapa pulau kecil lain. Pulau-pulau kecil ini termasuklah Pulau Susu Dara dan Pulau Rawa. Luas keseluruhan Pulau Perhentian ialah 1392.1 hektar persegi, dengan luas Pulau Perhentian Kecil ialah 524.814 hektar persegi, sementara Pulau Perhentian Besar pula seluas 867.286 hektar persegi. Tanah milik kerajaan di pulau ini seluas 857.5851 hektar dan tanah milik penduduk pula 534.6149 hektar (Berita Darul Iman, September/Oktober 1995). Walaupun secara keseluruhannya pulau ini diliputi oleh kawasan berbukit dan tebing tinggi, ia mempunyai kawasan pantai berpasir yang agak luas.

Pulau Perhentian Kecil adalah pulau yang dihuni oleh penduduk dan penempatan utama terletak di kampung Pasir Hantu, seluas kira-kira 10 hektar dengan kira-kira 200 buah rumah (184 buah atas lot asal yang didirikan oleh kerajaan), kedai, sekolah, masjid, tabika dan klinik. Sedikit aktiviti pelancongan dijalankan di Pulau Perhentian Kecil, iaitu tertumpu di Pasir Panjang, Teluk Aur serta beberapa kelompok di bahagian pantai timur pulau. Pulau Perhentian Besar adalah pulau yang dimajukan sepenuhnya untuk industri pelancongan. Perjalanan dari Pulau Perhentian Besar ke Pulau Perhentian Kecil memakan masa selama 5 minit dengan bot laju atau 10 minit dengan bot biasa atau bot nelayan.

Pulau Perhentian mempunyai sejarah awal yang cukup menarik. Pulau ini mula didiami pada abad ke-18. Tempat yang mula-mula dibuka ialah Teluk Dalam, di sekitar sebatang alur air payau yang cetek dikenali sebagai Alur Cina. Penduduk yang paling awal menetap di Pulau Perhentian, ialah

Batin Mina dan keluarganya. Beliau dikatakan berasal dari Kepulauan Riau, iaitu jajahan takluk Johor-Riau pada masa itu. Batin Mina dan keluarganya datang ke Pulau Perhentian dengan menumpang kapal-kapal dagang Cina yang berulang alik dari Negeri China ke Asia Tenggara. Beliau dipercayai melarikan diri daripada buruan Belanda kerana telah bertindak menentang penjajah dengan cara merompak dan mengugut kapal-kapal dagang mereka. Keturunan beliaulah yang terus mendiami Pulau Perhentian selain daripada beberapa buah keluarga yang berasal dari tanah besar Semenanjung (Berita Darul Iman, September/Oktober 1995).

Pulau Perhentian pada awalnya tidak mempunyai nama khusus. Ianya dijadikan tempat persinggahan kapal-kapal dagang yang berulang alik dari Negeri China ke Asia Tenggara seperti Singapura, Pulau Jawa dan beberapa tempat di Semenanjung Tanah Melayu. Pulau ini juga menjadi tempat persinggahan kapal-kapal yang membawa garam dari Singgora (Selatan Thai) ke Kuala Terengganu. Oleh sebab pulau ini sering menjadi tempat persinggahan kapal-kapal yang berdagang, ianya dinamakan Pulau Perhentian, iaitu pulau tempat kapal-kapal singgah atau berhenti seketika sebelum meneruskan pelayaran. Sehingga sekarang pulau ini masih lagi menjadi tempat berlindung bagi kapal-kapal ketika ombak besar dan angin kencang (Berita Darul Iman, Mac/April 1995).

### **Pembangunan Fizikal Pulau Perhentian**

Pembangunan Pulau Perhentian pada asasnya lebih ditumpukan kepada pembangunan pelancongan berbanding peningkatan tahap kualiti hidup penduduk. Mengikut laporan Jabatan Perangkaan Bandar dan Desa, kira-kira 50 peratus penduduk pulau ini terlibat dalam sektor pelancongan, 45 peratus di sektor perikanan dan 5 peratus di sektor awam dan perniagaan runcit. Purata pendapatan berbeza-beza mengikut pekerjaan, iaitu RM300 – RM400 sebulan bagi nelayan, sehingga RM40,000 sebulan bagi pengusaha *chalet* (Rancangan Pembangunan Pulau-pulau Peranginan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 1997). Majlis Daerah Besut (MDB) mula mengambil alih Pulau Perhentian pada 1996. Tugas sepenuhnya mentadbir Pulau Perhentian terutama pengutipan cukai pintu kepada premis perniagaan seperti *chalet* dan resort hanya dikenakan pada tahun 1998 dan jumlah hasil cukai pintu sebanyak RM50,000 setahun (Mohamad Amri bin Abd. Ghani, 2002).

Masih banyak usaha yang perlu dilakukan daripada peningkatan taraf kemudahan infrastruktur sehinggalah kepada tahap kebersihan di pulau tersebut. Sehingga tahun 1996, pelupusan sisa pepejal adalah secara terbuka dan tidak teratur. Terdapat beberapa pengusaha *chalet* yang mengangkut sisa pepejal ke tanah besar untuk dilupus (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 1997). Kontraktor untuk mengangkut sampah telah dilantik dan dibayar

oleh MDB sebanyak RM 9,000 sebulan. Biasanya sampah akan diangkut dua hari sekali menggunakan bot kontraktor berkenaan. Sehingga tahun 2000 peruntukan MDB masih ada untuk urusan mengangkut sampah dari pulau ke tanah besar untuk dilupuskan di tapak pelupusan sampah MDB. Pada tahun 2001, peruntukan MDB berkurangan dan tidak cukup untuk membiayai urusan tersebut. Pihak pengurusan resort dan chalet diminta membiayai kos mengangkut sampah. Chalet dan resort dikenakan bayaran antara RM50 - RM600 sebulan. Setiap pekedai di Pulau Perhentian Kecil pula dikenakan bayaran antara RM10-RM20 untuk membiayai kos kontraktor mengutip sampah. Sampah-sampah yang dibuang dikumpulkan di satu tempat di tepi jeti lama dan diangkat oleh bot untuk dibawa ke Kuala Besut. Menurut Encik Mohamad Amri bin Abd. Ghani, Penolong Pegawai Perancang Bandar, MDB sehingga tahun 1999, kerajaan negeri menyuntik dana berjumlah RM3 juta setahun untuk membiayai perbelanjaan MDB kerana pendapatan yang diperoleh oleh MDB tidak dapat menampung perbelanjaan yang dilakukan oleh MDB (Mohamad Amri bin Abd. Ghani, 2002).

Kemudahan pengangkutan utama di pulau untuk berulang alik ke tanah besar ialah bot. Bandar terdekat dengan Pulau Perhentian ialah Kuala Besut. Laluan untuk ke pulau ini ialah melalui pekan Kuala Besut, iaitu melalui pengkalannya (jetty) yang terdapat di muara sungai di pekan tersebut. Perjalanan ke pulau ini menggunakan bot laju ialah selama 30 hingga 45 minit atau 1 jam setengah dengan menaiki bot nelayan. Terdapat empat buah jetty di Pulau Perhentian, termasuk jetty utama yang siap pada 2002 di kawasan penempatan penduduk, dua buah di Teluk Keke dan satu di Teluk Pauh. Sistem perhubungan darat ialah laluan pejalan kaki di antara deretan rumah berbentuk 'slab'.

Untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk, kemudahan asas seperti bekalan air dan kemudahan bekalan elektrik 24 jam disediakan di Pulau Perhentian Kecil, iaitu kawasan perkampungan penduduk. Punca utama bekalan air ialah dari bawah tanah. Bekalan air daripada Syarikat Air Terengganu Berhad (SATU) telah disalurkan ke semua *chalet* di Pulau Perhentian Besar, manakala di Pulau Perhentian Kecil hanya di kawasan penempatan penduduk sahaja. Walau bagaimanapun, ada masa-masa tertentu air di kawasan penempatan penduduk dicatu dari pukul 7:00 pagi hingga 7:00 malam dan kadangkala dicatu pada waktu-waktu lain. Keadaan ini amat menyukarkan penduduk yang kadangkala tidak dapat menyimpan air untuk kegunaan ahli isi rumah kerana pada waktu air dibuka atau disalur, kebanyakan penduduk berada di tempat kerja masing-masing.

Bekalan elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) 24 jam hanya terdapat di kawasan penempatan penduduk. Pada tahun 2002, TNB telah merasmikan Tapak Projek Janakuasa dan Kuarters TNB di Pulau Perhentian Kecil untuk

meningkatkan lagi mutu hidup penduduk pulau tersebut. Sebuah sekolah rendah disediakan yang berfungsi bukan sahaja sebagai tempat menimba ilmu tetapi juga dijadikan sebagai dewan orang ramai. Ia telah dibuka pada tahun 1948 dan sekolah asal dibina daripada buluh. Sekolah tersebut sudah mengalami tiga peringkat perubahan sehingga ke hari ini. Untuk meningkatkan taraf kesihatan penduduk, sebuah klinik didirikan pada tahun 1974 dan disediakan seorang jururawat terlatih. Namun begitu, kemudahan klinik kesihatan yang disediakan seringkali mendapat rungutan penduduk kampung kerana kekurangan jururawat atau pembantu perubatan. Masalah yang timbul ialah, jururawat atau pembantu perubatan yang ditempatkan di klinik tersebut tidak menetap di pulau itu. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk mendapatkan rawatan biasa atau ketika kecemasan.

Kemudahan asas yang lain ialah sebuah balai raya, sebuah pondok polis dan pondok telefon awam yang menggunakan talian elektrik kerana faktor geografi pulau yang jauh daripada tanah besar dan memerlukan belanja yang banyak sekiranya digunakan talian telefon seperti yang ada di tanah besar. Walau bagaimanapun, dengan meningkatnya kualiti hidup penduduk di pulau tersebut, sudah ramai daripada mereka menggunakan telefon sendiri di rumah atau telefon mudah alih yang juga menggambarkan tahap kualiti hidup yang agak baik. Untuk memajukan lagi kawasan petempatan penduduk, sederet premis perniagaan baru siap dibina oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu pada 2002. Ini sekaligus memberi sedikit ruang kepada penduduk kampung Pulau Perhentian untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Sehingga bulan Ogos 2002, premis berkenaan belum lagi digunakan.

Kualiti rumah yang tidak memuaskan menjadikan kawasan perkampungan penduduk sesak dan tidak mencapai tahap kebersihan yang memuaskan. Kesesakan penempatan disebabkan penduduk yang bertambah adalah agak ketara. Sehingga hari ini, belum ada sebarang langkah untuk menyediakan petempatan lain kepada penduduk kerana ketiadaan tanah. Penduduk terus menetap di perkampungan yang sedia, iaitu di kampung Pasir Hantu. Perkampungan ini telah melalui Program Penyusunan Semula daripada kampung nelayan tradisi kepada sebuah kampung yang lebih teratur, mengikut kaedah pasang siap dengan saiz 132 meter persegi. Kawasan penempatan ini seluas 9.97 hektar dan asalnya mempunyai 184 buah rumah. Petempatan ini juga menjadi sesak kerana ketiadaan kawalan pembangunan dan juga pertambahan penduduk. Hari ini, ada di antara penduduk yang membina rumah baru di atas tanah kerajaan dan mereka berharap diberikan geran tanah yang kekal di masa hadapan. Perkampungan Pulau Perhentian dijangka menjadi sebuah perkampungan yang tersusun kerana adanya beberapa rancangan pembinaan projek perumahan yang dirancang untuk penduduk pulau tersebut oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Apabila semua projek perumahan yang dirancang tersebut siap, dijangkakan perkampungan di Pulau Perhentian

menjadi satu perkampungan yang cantik, kemas dan tersusun. Tidak akan ada lagi rumah-rumah di tepi pantai yang menyesakkan persekitaran di Pulau Perhentian.

Kualiti hidup penduduk Pulau Perhentian masih di tahap yang belum memuaskan. Banyak masalah yang masih belum dapat diatasi oleh pihak tertentu, misalnya ketiadaan sistem perparitan yang sempurna menyebabkan sebahagian kawasan pulau akan mengalami masalah banjir apabila hujan lebat. Hal ini kerana longkang yang sedia ada amat kecil dan seringkali tersumbat. Rumah penduduk yang ada sekarang juga tidak berkualiti. Kedudukan rumah yang rapat antara satu sama lain dan saiz rumah yang kecil tidak dapat menampung bilangan ahli keluarga yang ramai yang kadang kala lebih daripada 12 orang ahli yang tinggal dalam sesebuah rumah. Keadaan sampah sarap yang agak ketara terutama di tepi pantai kawasan penempatan penduduk juga menjejaskan kualiti hidup penduduk serta mencemar pandangan mata terutama pelancong yang datang.

Dari aspek pendidikan, sekolah yang ada disediakan untuk penduduk Pulau Perhentian hanya sebuah sekolah rendah. Pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke sekolah menengah terpaksa keluar dari pulau dan belajar di sekolah yang mempunyai kemudahan asrama di sekitar Bandar Kuala Besut. Antara sekolah menengah berasrama yang menyediakan tempat untuk pelajar-pelajar dari Pulau Perhentian ialah Sekolah Menengah Tengku Mahmud, Besut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Nasiruddin Shah, Besut. Pelajar-pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke sekolah agama, beberapa buah sekolah di sekitar Bandar Kuala Besut menjadi pilihan seperti Sekolah Menengah Agama Nurul Ittifaq, Sekolah Menengah Agama Wataniah dan Sekolah Menengah Agama Maarif. Kesukaran perjalanan berulang alik dari pulau ke sekolah dan sebaliknya menyebabkan sesetengah ibu bapa tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah menengah. Pandangan hidup yang sempit dan tahap pendidikan ibu bapa yang rendah menyebabkan kadar keciciran pelajar di Pulau Perhentian adalah tinggi.

### **Pembangunan Sektor Pelancongan**

Pulau Perhentian didiami oleh 1,274 orang penduduk dengan 277 buah keluarga. Penduduk lelaki ialah seramai 728 orang dan perempuan ialah seramai 546 orang (Banci Penduduk, 2000). Sebahagian besar penduduk di Pulau Perhentian merupakan pendatang dari pelbagai tempat lain di Malaysia. Di antara mereka ini, ada yang berasal dari Kelantan, Pahang, dan pelbagai tempat lain di Malaysia dan Thailand. Pola petempatan di Pulau Perhentian ini, ada dari kategori pola petempatan berjajar, dan ada juga pola petempatan berselerak. Pola petempatan berjajar terletak di Pulau Perhentian Besar. *Chalet-chalet* dan rumah tumpangan dibina di sepanjang pesisir pantai oleh

para pemilik untuk memudahkan para pelancong berulang alik dari *chalet* atau rumah tumpangan ke pesisir pantai untuk bersantai. Di Pulau Perhentian Kecil pula, pola petempatannya adalah berselerak. Rumah-rumah dibina secara berselerak oleh penduduk-penduduk kampung. Petempatan jenis ini terletak berhampiran dengan kaki bukit. Penduduk telah mendapat Hak Milik Tatatur Penempatan Semula Penduduk pada 2002 dan seramai 106 orang penduduk Pulau Perhentian Kecil mendapat geran kekal untuk tapak kediaman masing-masing daripada Kerajaan Negeri Terengganu. Masalah kekurangan rumah yang didiami di Pulau Perhentian menyebabkan ada sebilangan rumah yang didiami oleh beberapa buah keluarga. Rumah yang penyelidik tinggal di Pulau Perhentian dihuni oleh empat buah keluarga dan ini bermakna rumah tersebut mempunyai empat ketua keluarga. Selalunya ia melibatkan bapa dan anak-anak yang sudah berkahwin yang masih belum mempunyai tempat tinggal dan akhirnya terpaksa menumpang di rumah ibu bapa.

Pulau Perhentian Besar yang dibangunkan sebagai pulau pelancongan merupakan pulau yang indah. Kawasan pelancongan di Pulau Perhentian Besar tertumpu di sekitar Teluk Pauh, Pasir Jong, Teluk Keke dan Teluk Dalam. Batu karang yang cantik tertumpu di Pasir Tiga Ruang, Teluk Dalam, Tanjung Tukas Laut, Teluk Kerma dan Pulau Rawa. Terdapat lebih 50 jenis batu karang di pulau ini. Kawasan pantai berpasir di pulau ini juga menjadi tumpuan Penyu Karah dan Penyu Agar untuk bertelur. Terdapat juga spesis burung layang-layang yang bersarang di gua-gua sekitar pulau berkenaan. Pulau Perhentian Besar juga menerima kemudahan asas yang sama seperti terdapat di Pulau Perhentian Kecil kecuali klinik dan sekolah serta bekalan elektrik yang hanya dibekalkan selama 12 jam sahaja, iaitu dari pukul 7:00 malam hingga 7:00 pagi. Selebihnya pengusaha *chalet* atau resort menggunakan *generator* persendirian. Penghuni sementara di pulau tersebut adalah terdiri daripada pelancong-pelancong dalam dan luar negara. *Chalet-chalet* dan rumah-rumah tumpangan yang disediakan untuk kemudahan pelancong juga memberi peluang pekerjaan terutama kerja-kerja peringkat bawahan seperti mengemas bilik hotel atau *chalet*, pemandu bot, tukang masak dan seumpamanya kepada penduduk. Kemudahan pengangkutan yang terdapat di Pulau Perhentian Besar ini ialah bot-bot laju dan bot penumpang biasa untuk kegunaan pelancong-pelancong. Akibat pembangunan pelancongan, aktiviti ekonomi ketua isi rumah yang pada awalnya, 90 peratus ialah nelayan tradisi, kini telah berubah. Industri pelancongan telah merubah senario dan pola pekerjaan di pulau ini. Sebahagian besar penduduknya bekerja di sektor pelancongan yang memberikan pendapatan agak lumayan. Dianggarkan 20 peratus sahaja penduduk pulau ini yang masih menjadi nelayan. Kebanyakannya adalah warga tua. Majoriti penduduknya bergantung kepada sektor pelancongan sebagai sumber pendapatan. Kini terdapat lebih kurang 44 pengusaha pelancongan yang beroperasi sehingga tahun 2002 dengan jumlah bilik penginapan dan *chalet* sebanyak 860 unit.

### Metodologi

Penyelidikan ini adalah gabungan antara penyelidikan kualitatif dengan penyelidikan kuantitatif. Ia bertujuan untuk meneroka kesan pembangunan yang sedang berjalan di sebuah pulau pelancongan di negeri Terengganu. Hasil penyelidikan untuk artikel ini diambil daripada satu penyelidikan yang asalnya dilakukan untuk menganalisis kualiti hidup penduduk pulau di negeri Terengganu (Norizan Abdul Ghani, 2004). Daripada penyelidikan tersebut banyak data kuantitatif dan kualitatif dapat dikumpulkan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis maklumat kualitatif daripada kajian tersebut dengan tujuan utama adalah untuk meneroka kesan pembangunan yang sedang berjalan di pulau pelancongan di negeri Terengganu ke atas aktiviti ekonomi penduduk tempatan. Secara *purposive*, kajian ini memilih Pulau Perhentian sebagai kawasan kajian kerana pulau ini merupakan pulau pelancongan yang sedang sedang giat melalui proses pembangunan. Reka bentuk dalam kajian ini ialah kajian kes. Untuk meneroka kesan pembangunan, seramai tiga orang penduduk tempatan dipilih sebagai peserta kajian. Kesemua mereka, yang dipilih secara *purposive*, berumur di antara 53 hingga 80 tahun.

Kajian ini melibatkan tiga teknik pengumpulan data. Pertama, data dikumpulkan melalui temubual mendalam. Selain tiga orang peserta temu bual mendalam, kajian ini juga memilih beberapa orang informan utama untuk temu bual tidak berstruktur untuk melengkapkan maklumat temu bual mendalam dengan peserta kajian. Kedua, pemerhatian ikut serta bagi meneroka cara hidup dan maklumat kualitatif lain penduduk pulau. Penyelidik turut bermalam di rumah penduduk untuk menyelami kehidupan mereka di waktu malam. Ketiga, temu bual berstruktur ke atas responden yang dikenal pasti untuk mendapatkan maklumat kuantitatif. Data kuantitatif yang diperoleh tidak digunakan dalam analisis untuk artikel ini. Data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual mendalam, temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian diurus terlebih dahulu melalui proses transkripsi verbatim, dan dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Tema yang timbul daripada temu bual dijadikan subtopik kepada makalah ini.

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Perbincangan hasil kajian dalam makalah ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan kesan pembangunan ke atas kegiatan ekonomi penduduk. Bahagian kedua pula membincangkan kesan pembangunan ke atas kegiatan ekonomi warga tua sebagai golongan yang tertinggal dalam arus pembangunan pelancongan pulau. Mereka ini adalah golongan yang terpinggir dari pembangunan secara langsung.

### Kesan Pembangunan ke Atas Kegiatan Ekonomi Penduduk

Selain nelayan sebagai pekerjaan tradisi, pekerjaan utama penduduk pulau kajian sekarang ini ialah di bidang pelancongan. Era 1990-an sedikit sebanyak telah merubah senario sosio-ekonomi penduduk Pulau Redang terutama dalam aspek pekerjaan dan kehidupan. Industri pelancongan telah memberi wajah baru kepada kehidupan penduduk tempatan pulau tersebut. Pembangunan pelancongan yang pesat telah menyediakan banyak peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan. Penduduk pulau sedikit sebanyak merasai nikmat pembangunan tersebut. Sebahagian golongan muda sibuk dengan kerja masing-masing walaupun kebanyakan pekerjaan yang berjaya diwujudkan adalah pekerjaan dalam kategori rendah. Pekerjaan inilah yang berjaya menarik minat para remaja pulau untuk menceburinya. Walau bagaimanapun, 95 peratus penduduk pulau yang bekerja di bidang pelancongan terlibat dengan pekerjaan di peringkat rendah, seperti pemandu bot atau *boatman*, pemandu pelancong terutama kepada golongan muda serta kaum wanita, tukang masak, tukang sapu, mengemas bilik hotel atau chalet, juruwang, penyambut tetamu, atau pelbagai pekerjaan bertaraf rendah di resort dan *chalet* yang dibina. Keghairahan menceburi bidang pekerjaan ini, pada pengamatan penyelidik, adalah lebih banyak mendatangkan implikasi negatif kepada remaja itu sendiri. Salah satu sebab berlaku keciciran dalam pendidikan, terutama di kalangan remaja lelaki ialah kerana adanya peluang pekerjaan ini yang terdapat di hotel, resort ataupun *chalet*.

Sebahagian besar penduduk pulau kajian sekarang ini, terutama generasi muda sudah tidak bergantung kepada laut sebagai sumber rezeki. Industri pelancongan yang diperkenalkan membuka peluang pekerjaan yang luas kepada anak-anak muda. Malah, ibu bapa mereka pun sudah mula mengalih perhatian kepada hotel, resort dan *chalet* yang dibangunkan. Ada juga penduduk yang bekerja sendiri seperti membuka kedai runcit, kedai kopi dan gerai makanan. Seramai 117 responden bekerja sendiri sebagai sumber pendapatan termasuklah pemilik *chalet*, nelayan, pemandu pelancong dan juga berniaga. Pemerhatian menunjukkan perniagaan merupakan pekerjaan yang menjanjikan masa depan yang cerah. Penduduk pendatang telah menjadi pengusaha dan peniaga yang berjaya. Banyak pekerjaan baharu penduduk menawarkan pendapatan tetap. Paling kurang mengambil upah mencuci cadar, tukang sapu, tukang masak dan kerja-kerja yang tidak memerlukan kemahiran serta kelulusan dalam pelajaran. Anak-anak mereka pula boleh menjadi pemandu bot pelancong atau *boat-man*, bekerja di hotel, resort atau *chalet*. Sepasang suami-isteri yang sempat ditemubual menyatakan kesyukuran dengan rezeki yang mereka peroleh daripada industri pelancongan tersebut.

Pak Cik dan Mak Cik, dua-dua kerja di chalet. Dapatlah rezeki lebih sikit. *Suka doh lening* duduk di pulau ni. Rezeki mudah

kalau kita rajin kerja. Kerja banyak di chalet tu. Atas kita, nak ke tak nak... (Pak Cik, 2001).

### **Kesan Pembangunan ke Atas Kegiatan Ekonomi Warga Tua**

Walaupun pembangunan pesat berlaku, dan semakin ramai penduduk pulau meninggalkan pekerjaan tradisi, penduduk yang meninggalkan pekerjaan tradisi itu secara umumnya adalah generasi muda. Generasi tua, atau warga tua tetap dengan pekerjaan tradisi, iaitu nelayan, menjual hasil tanaman dan mengusahakan gerai makanan.

### **Bekerja Sebagai Nelayan**

Nelayan ialah pekerjaan tradisi penduduk. Disebabkan pembangunan pelancongan yang pesat, pekerjaan tradisi ini sudah semakin ditinggalkan penduduk. Golongan yang masih kekal dengan pekerjaan ini adalah warga tua. Golongan ini masih setia dengan laut dan menjadikan laut sebagai sumber rezeki biarpun mereka menempuh pelbagai cabaran. Tiga sampel penduduk pulau yang bekerja sebagai nelayan atau pernah menjadi nelayan disenaraikan seperti berikut:

#### ***Kes 1***

Encik Mohd. Ali bin Abu Bakar, dikenali sebagai Pak Ali, tinggal dengan isteri Zaharah binti Salleh, atau dipanggil Mak Cik Jarah, anak-anak, menantu dan cucu dengan ahli isi rumah 13 orang. Beliau bekerja sebagai nelayan sehingga ke akhir hayat. Membesarkan anak-anak dengan hasil penat lelahnya berkolek di laut mencari rezeki. Seorang anaknya belajar di Universiti Malaya, manakala anak bongsunya lepasan Diploma Teknologi Pembuatan dari Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Anak-anaknya yang lain bekerja sebagai kerani di Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian, dan lain-lainnya bekerja di chalet. Mak Cik Jarah seorang suri rumah sepenuh masa, menjaga beberapa orang cucu. Pak Ali tidak pernah mendapat pendidikan di sekolah kerana kemiskinan. Dilahir dan dibesarkan di Pulau Perhentian yang penuh nostalgia baginya. "Pak Ali suka tinggal di sini, maklumlah tempat tumpah darah," kata Pak Ali.

Purata pendapatan Pak Ali sebagai seorang nelayan ialah RM350 sebulan. Dengan pendapatan tersebut, beliau berjaya membesarkan anak-anak. Pak Ali mempunyai sebuah perahu untuk ke laut. Dengan perahu tersebut jugalah beliau berulang dari pulau ke Kuala Besut sekiranya perlu. Keringat Pak Ali berbalas apabila beberapa orang anaknya berjaya dan bekerja dengan kerajaan. Anak perempuannya, Zaibidah, menyambung sebahagian

tugas membantu perbelanjaan persekolahan adik-adiknya apabila beliau berjaya mendapat kerja sebagai seorang kerani di Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian. Cabaran kerja sebagai nelayan di laut mematangkan Pak Ali. “Pak Ali dah biasa dengan dugaan di laut, apa nak buat, rezeki ada di situ. Pak Ali tak pernah kesal jadi nelayan walaupun terpaksa bertarung ombak dan ribut di laut,” ujar Pak Ali. Rezeki yang diperoleh hasil tangkapan ikan disimpan sebahagiannya demi masa depan anak-anak dan juga sekiranya berlaku kecemasan. “Rezeki Pak Ali dapat tu bolehlah jugak baiki rumah ni, selain untuk sekolah anak-anak dan belanja musim hujan,” tambah Pak Ali (2002).

Pak Ali juga menceritakan hasil tangkapan yang diperolehnya. “Kalau dapat ikan besar, biasa kita jual kepada peraih, itulah rezeki kita, kalau ikan kecil, kita buat lauk.” Pak Ali menjelaskan ikan yang biasa diperolehinya ialah ikan gerong, pari, kerisi, kembung dan ikan kecil lain. Pak Ali juga biasa membeli ikan yang dibawa dari Kuala Besut sekiranya beliau tidak ke laut atau ketika musim tengkujuh. Pekerjaan Pak Ali tidak diwarisi oleh anak-anaknya. Barangkali mereka serik melihat penat lelah Pak Ali yang mencari sesuap nasi di laut yang penuh dengan cabaran. Anak-anak Pak Ali bekerja dengan kerajaan sebagai kerani, guru dan selebihnya bekerja di chalet dan resort.

## ***Kes 2***

Encik Abdul Ghani bin Latif, berusia 60-an, dikenali sebagai Pak Long Leh. Beliau merupakan di antara generasi tua di Pulau Perhentian hari ini yang pernah hidup di dua pulau kajian iaitu Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Beliau telah menghabiskan sebahagian besar hidupnya sebagai nelayan. Walaupun bukan dilahirkan di Pulau Perhentian atau Pulau Redang (beliau dilahirkan di Pengkalan Nyireh, Besut, Terengganu), tetapi semenjak tahun 1945 (dikatakan ketika itu beliau masih kanak-kanak) beliau sudah mengenali pahit maung hidup di pulau setelah mengikuti ayahnya ke Pulau Redang untuk mencari rezeki.

Arwah ayah Pak Long Leh juga seorang nelayan. Tidak pernah bersekolah, Pak Long Leh mula melibatkan diri secara serius sebagai seorang nelayan ketika berusia 12 tahun. Deru ombak dan perahu nelayan adalah teman rapatnya. “Ke laut (nelayan) tu nak kata senang, dok jugak, cuma boleh makan aje, dapatlah dua tiga ratus ringgit sebulan,” kata Pak Long Leh memulakan bicara sambil tersenyum menampakkan wajahnya yang seronok bercerita kisah hidup suka dukanya bekerja sebagai nelayan di laut yang punya seribu cabaran. “Pak Long baru 17 tahun tinggal di Pulau Perhentian ni,”

Sebelum ini Pak Long duduk di Redang, cari rezeki, ke laut jugak. Isteri Pak Long yang pertama dikahwini di Pulau Redang. Bagaimanapun,

isterinya meninggal dunia dan Pak Long Leh berkahwin lagi setelah berpindah ke Pulau Perhentian. Dengan Mak Long ni (isteri keduanya), dapat lima orang anak.” Seronok bercerita mengenai pengalamannya menjadi nelayan, Pak Long Leh menceritakan ikan-ikan yang biasa diperolehinya ialah ikan-ikan jemuduk, tenggiri, belitung, alu-alu dan beberapa jenis ikan besar lain seperti ikan retek. “Ikan retek paling sedap,” kata Pak Long. Ikan-ikan kecil yang biasa diperolehinya ialah ikan aya (tongkol), selayang, kembung dan juga ikan kerisi. “Biasanya ikan-ikan yang besar Pak Long jual, yang kecil buat lauk keluarga. Jual ikan besar dapat duit lebih.” Pak Long Leh sudah berhenti menjadi nelayan sejak lima tahun lepas. “Nak rehat, dah tua. Kelaut sekarang ni susah, tambah pulak orang yang tak dok (tidak ada) bot macam Pak Long ni.” Pak Long Leh menyambung cerita mengenai cabaran-cabaran yang pernah dihadapi ketika menjadi seorang nelayan. “Pernah enjin bot mati di tengah laut, tapi Alhamdulillah, kawan sempat tolong sebelum bot hanyut lebih jauh.” Sebagai seorang nelayan kecil dan tidak mempunyai bot sendiri, Pak Long Leh menumpang kawan atau bekerja terus dengan kawan.

Mereka ke laut pada pukul 7.00 pagi dan pulang pada pukul 5.00 petang. Musim yang agak bahaya ialah musim Angin Timur Laut bertiup dari bulan November hingga Februari. “Angin Barat Laut juga bahaya, iaitu antara bulan Ogos hingga September, nak keluar ke laut mesti tengok ribut. Kalau langit hitam macam atas bukit tu, kita tunggu hitam tu hilang, baru turun,” kata Pak Long sambil menunjuk ke arah langit di atas bukit yang kebetulan menampakkan tanda-tanda ribut akan turun pada masa penyelidikan menemubualnya. Pak Long Leh berkali-kali menjelaskan bahawa beliau menjadi nelayan kerana tidak ada kerja lain yang lebih sesuai untuknya. Nelayan adalah kehidupannya. Nelayan adalah rezekinya. Pak Long Leh juga bersungguh-sungguh sekali mengatakan ‘hidup matinya adalah di pulau itu’. “Pak Long dok boleh duduk (tidak boleh membina kehidupan) di darat tu... Dok tahu nak buat apa...” (Abdul Ghani bin Latif, 2002)

Kemiskinan dan kesusahan hidup Pak Long menyebabkan beliau tidak dapat menghantar anak-anaknya ke sekolah menengah. “Semua anak Pak Long sekolah takat darjah enam, Pak Long tak dok pitis nak hantar sekolah menengah.” Salah seorang anaknya dengan isteri keduanya sudah berkahwin. Dua lagi masih bersekolah. Anak bongsunya berada di tahun satu. “Yang lain-lain tu, kerja. Boleh bantu Pak Long yang dok kerja ni. Anak dengan isteri dulu, dah besar-besar, dah berumahtangga.” Isterinya, Mak Long juga bekerja di *chalet* untuk membantu keluarga. Pak Long Leh biasanya menghabiskan hari-hari siangya duduk di rumah sementara menunggu isterinya pulang dari kerja pada waktu petang. Kisah Pak Long Leh adalah satu di antara beribu cerita suka duka penduduk pulau yang hidup sebagai nelayan atau pernah menjadi nelayan.

**Kes 3**

Pak Dor atau namanya Ismail bin Daud, berusia lewat 60-an (Ismail bin Daud, 2002), berasal dari Pulau Redang. Pak Dor datang ke Pulau Perhentian tahun 1945 ketika Jepun menyerah kalah kepada tentera British di Tanah Melayu. Beliau merupakan nelayan yang menyara hidupnya semenjak lebih daripada 30 tahun lalu. Beliau hanya bersara daripada menjadi nelayan lima tahun lepas. Pendapatan purata Pak Dor sebagai nelayan sepenuh masa ialah lebih kurang RM350 sebulan. Beliau mempunyai lima orang anak. Dua orang anaknya sudah dewasa dan mempunyai keluarga sendiri. Semua anak Pak Dor hanya bersekolah setakat darjah enam kerana kemiskinannya. Dua orang anaknya sudah bekerja. Anak-anaklah yang menjadi pencari nafkah untuk keluarga Pak Dor sekarang.

Sekarang Pak Dor masih ke laut kerana tiada kerja lain yang sesuai. Dengan wajah sayu, Pak Dor melahirkan rasa kesalnya kerana peraturan Jabatan Perikanan dan Jabatan Taman Laut, beliau hanya boleh mengail ikan selepas 2 batu nautika dari pantai Pulau Perhentian. “Ikan tak banyak sekarang. Orang *kelaut* susah hidup. Pak Dor tak mampu ke laut dalam. Pak Dor hanya ada bot kecil.” Bertemankan sebuah bot kecil yang sudah tua, berenjin 15 kuasa kuda, Pak Dor terpaksa melalui hari-harinya dengan penuh tabah. Pak Dor hanya mengail satu atau dua kali seminggu sekadar untuk mendapatkan ikan *buat lauk* atau untuk makan keluarganya. Usia juga menjadi salah satu faktor Pak Dor sudah tidak bekerja sepenuh masa sebagai nelayan. Pada hari-hari beliau tidak turun ke laut, beliau hanya berehat di rumah atau bersembang dengan kawan-kawan. Sekiranya ikan yang dikail tidak cukup untuk *buat lauk*, beliau membeli ikan yang ada dijual di kedai.

Menurut Pak Dor, ikan yang dimakan penduduk kampung adalah ikan yang murah, seperti selayang, kerisi, anjang-anjang, cencaru dan *aya* atau tongkol. “Biasanya orang *kelaut* bila dapat ikan besar, dijual kepada orang. Duit dapat pun lebihlah,” ujarinya. Pak Dor juga menceritakan kadangkala mendapat rezeki dengan mencari telur penyu di kawasan yang tidak diwartakan. “Biasanya Pak Dor dapat di Pulau Susu Dara, Pulau Rawa dan Pulau Serenggeh. Bagaimanapun, penyu selalunya naik bertelur di kawasan pasir yang tidak ada chalet di Pulau Perhentian Besar. Kawasan tu kepunyaan Jabatan Pertanian. Ada orang pajak.” Pak Dor tidak berminat untuk mencari rezeki di tanah besar. Pulau adalah sebahagian dari kehidupannya. Beliau nampak ceria bercerita mengenai pulau tempat beliau menghabiskan sisa-sisa hidupnya. Harapan Pak Dor ialah ingin melihat pulau ini dimajukan agar anak-cucu dapat hidup senang. Pekerjaan perlu dipelbagaikan agar generasi muda menikmati kualiti hidup yang tinggi di kemudian hari.

## Jadual 22

*Aspek Sosioekonomi Nelayan dan Bekas Nelayan Sampel Kajian*

| Sampel                    | Pekerjaan            | Pendapatan Sebulan | Pekerjaan Sampingan               | Taraf Pendidikan | Sumber kewangan       | Pemilikan peralatan              |
|---------------------------|----------------------|--------------------|-----------------------------------|------------------|-----------------------|----------------------------------|
| Pak Ali (60-an)           | Nelayan              | RM 350.00          | Tiada                             | Tidak bersekolah | Sendiri dan anak-anak | Bot kecil berenjin 15 kuasa kuda |
| Pak Long Leh (Awal 60-an) | Bekas nelayan        | Tiada              | Tiada                             | Tidak bersekolah | Isteri dan anak-anak  | Tiada                            |
| Pak Dor (Lewat 60-an)     | Nelayan separuh masa | Tiada              | Mengail ikan untuk makan keluarga | Tidak bersekolah | Anak-anak             | Bot kecil berenjin 15 kuasa kuda |

**Bekerja sebagai Penjual Hasil Tanaman**

Selain bekerja sebagai nelayan bagi penduduk asal di pulau kajian, ada juga sebahagian mereka bergantung hidup kepada beberapa jenis tanaman seperti cengkih, pala dan juga durian. Di pulau ini, hasil tanaman tersebut suatu ketika dahulu iaitu pada tahun 1950-an dan 1960-an pernah menjadi rezeki penduduknya. Salah seorang penduduk asal Pulau Perhentian, Mak Cik Hajjah Hawa menceritakan:

Pada tahun 1954, Mak Cik tanam cengkih, pala dan buah durian di pulau ni. Pokok-pokok tu ditanam di atas bukit di bahagian belakang pulau ni. Hasilnya Mak Cik dah tiga kali dapat tunai haji di Mekah. Sekarang ni baru Mak Cik buka kedai makan ni. Nak cari rezeki, kena rajinlah. Sekarang ni, perniagaan kurang laku sikit, sebab kurang pelanggan... bulan Mac ni, dok rama (tidak berapa ramai) lagi pelancong datang (Cik Hajjah Hawa, 2001).

Mak Cik Hawa sendiri masih lagi rajin bekerja dengan menjual apam dan membuka gerai perniagaan di tepi rumahnya. Difahamkan sehingga ke hari ini, Mak Cik Hawa merupakan antara penduduk asal pulau yang berjaya hasil kegigihannya berniaga dan menanam cengkih. Mak Cik Hajjah Hawa merupakan penduduk yang paling banyak mendapat hasil cengkih setiap tahun. Mak Teh Jah, berusia 60-an, juga mendapat sumber rezeki hasil cengkih yang ditanamnya di atas bukit di Pulau Perhentian Kecil. Cengkih biasanya bermusim antara bulan Julai hingga September. “Untuk musim ini sahaja (tahun 2002), Mak Teh dah dapat RM 700-RM 800. Kalau anak-anak rajin naik bukit tu, dapatlah dua tiga ratus ringgit lagi”. Mak Teh Jah menceritakan ada juga orang pulau ini yang dapat ke Mekah hasil jualan cengkih. “Mak Tehpun dah ke Mekah”, katanya sambil menghulur sebungkus cengkih kepada

penyelidik, “sebagai buah tangan dari pulau”. “Ini saja yang tinggal, Mak Teh dah jual di Kuala Besut dua tiga hari lepas, harganya RM 25 sekilogram. Sekali kutip, dapat jugak dalam tiga, empat kilo “( Mak Teh Jah, 2002).

### **Mengusaha Gerai Makanan**

Sekarang perniagaan gerai makan Mak Cik Hawa telah diambil alih oleh anak perempuannya, Nisah dan dibantu oleh suaminya. Gerai makanannya yang terletak di lokasi yang strategik menjadi tumpuan penduduk dan pelancong di pulau tersebut. Nisah, yang berusia awal 20-an, sibuk membungkus nasi berlauk yang dijualnya pada satu pagi di mana penyelidik meninjau ke gerainya. “Saya buat sendiri lauk-lauk ni... bangun pukul tiga pagi, jual makanan ni seronok, letihlah sikit, tapi hasilnya bagus. Lepas ni nak masak lauk pauk untuk tengahari pulak.” (Nisah, 2002). Selalunya makanan di gerainya sudah habis sebelum tengahari. Semasa penyelidik ke gerainya semula pada pukul 2.00 petang untuk mendapatkan makanan tengahari, semua makanan sudah habis. Mak Cik Hawa sendiri masih lagi rajin bekerja menjual apam dan membuka gerai perniagaan di tepi rumahnya. Sehingga ke hari ini, Mak Cik Hawa merupakan di antara penduduk asal pulau yang berjaya hasil kegigihannya berniaga dan menanam cengkik. Mak Cik Hajjah Hawa merupakan penduduk yang paling banyak mendapat hasil cengkik setiap tahun.

Seorang lagi, Mak Teh Jah, yang juga berusia 60-an, juga mendapat rezeki daripada hasil cengkik yang ditanamnya di atas bukit Pulau Perhentian Kecil. Katanya, cengkik biasanya bermusim di antara Julai-September. “Untuk musim ini sahaja (tahun 2002), Mak Teh dah dapat RM 700-RM 800. Kalau anak-anak rajin naik bukit tu, dapatlah dua tiga ratus ringgit lagi”. Mak Teh Jah menceritakan ada juga orang pulau ini yang dapat ke Mekah hasil jualan cengkik. “Mak Teh pun dah ke Mekah”, katanya sambil menghulur sebungkus cengkik kepada penyelidik, “sebagai buah tangan dari pulau”, katanya. “Ini saja yang tinggal, Mak Teh dah jual di Kuala Besut dua tiga hari lepas, harganya RM 25 sekilogram. Sekali kutip, dapat jugak dalam tiga, empat kilo“(Mak Teh Jah , 2002). Penyelidik cuba mendapatkan maklumat daripada penduduk Pulau Perhentian pula mengenai akar-akar kayu di dalam hutan di atas bukit pulau tersebut. “Dok banyak, Cikgu, dok macam di Redang nun... banyak atas bukit pulau tu...” seorang lelaki yang sudah senja usianya, memberitahu penyelidik. Lelaki tersebut juga memberitahu bahawa beliau juga pernah hidup di Pulau Redang dan pindah ke Pulau Perhentian selepas Jepun menyerah kalah kepada tentera British di Tanah Melayu.

### **Penutup**

Sebagai rumusannya, pembangunan pelancongan, telah merubah senario pekerjaan ketua isi rumah di Pulau Perhentian. Kini sebahagian besar penduduk,

terutama generasi muda, bekerja di sektor pelancongan sebagai sumber pendapatan. Malah, ibu bapa merekapun sudah mula mengalih perhatian kepada hotel, resort dan chalet yang dibangunkan di pulau tersebut. Penduduk pulau yang masih menjadi nelayan adalah minoriti, dan kebanyakannya warga tua. Walaupun pembangunan pesat berlaku, dan semakin ramai penduduk pulau meninggalkan pekerjaan tradisi, penduduk yang meninggalkan pekerjaan tradisi itu secara umumnya adalah generasi muda. Warga tua tetap dengan pekerjaan tradisi mereka, iaitu nelayan, menjual hasil tanaman dan mengusahakan gerai makanan.

### Rujukan

- Abdul Ghani Latif/Pak Long Leh. (2001, 13 Mac). *Temu bual*.  
 Banci Penduduk. (2000). *Laporan am banci penduduk dan perumahan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.  
 Berita Darul Iman. (1995) (September/Oktober). Kuala Terengganu: Pejabat Kerajaan Negeri Terengganu.  
 Berita Darul Iman. (1995). (Mac/April). Kuala Terengganu: Pejabat Kerajaan Negeri Terengganu.  
 Deraman Ali. (2001, 31 Mac). *Temu bual*.  
 Ismail Daud/Pak Dor. (2001, 13 Mac). *Temu bual*.  
 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (1997). *Rancangan Pembangunan Pulau-pulau Peranginan Semenanjung Malaysia, Pulau Perhentian, Pulau Redang, Pulau Bidong dan Pulau Kapas, Terengganu Darul Iman*. Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.  
 Ladim Awang. (2002, 4 Ogos). *Temu bual*.  
 Majlis Daerah Besut. 1998. *Nota taklimat pembangunan Pulau Perhentian*. Besut, Terengganu.  
 Mak Cik Hajjah Hawa. (2001, 17 Mac). *Temu bual*.  
 Mak Teh Jah. (2002, 9 Ogos). *Temu bual*.  
 Masitah Mohd. Yatim & Nazileh Ramli. (1988). *Socio economic consequences of the ageing of population survey 1986: Malaysia Country Report*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara.  
 Mohamad Amri Abd. Ghani (2002, 13 Mac). *Temu bual*.  
 Mohd. Ali Abu Bakar/Pak Ali. (2001, 13 Mac). *Temu bual*.  
 Nisah. (2002, 9 Ogos). *Temu bual*.  
 Norizan Abdul Ghani. (2004). *Kualiti hidup penduduk pulau. Kes Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. (Tesis PhD tidak diterbitkan) Universiti Malaysia Terengganu.  
 Pak Cik. (2001, 18 Mei). *Temu bual*.  
 Wan Abdul Ghani Wan Ismail . (2002, 23 September). *Temu bual*.

Wan Ibrahim Wan Ahmad. (2007). Perubahan demografi dan kajian mengenai warga tua di Malaysia: Sumbangan sarjana tempatan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 10, 23–49.

Wan Ibrahim Wan Ahmad, Norruzeyati Mohd Nasir & Zainab Ismail. (2008). Gaya hidup warga tua pesisir Daerah Kuala Terengganu. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 11, 45–68.

Norizan Abdul Ghani  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kuala Terengganu,  
Terengganu, MALAYSIA  
nozabd@unisza.edu.my

Wan Ibrahim Wan Ahmad  
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial  
UUM College of Arts & Sciences  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok,  
Kedah, MALAYSIA  
wiwa@uum.edu.my

Sulaiman Md Yassin  
Institute for Social Science Studies  
University Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang,  
Selangor, MALAYSIA  
sulaimanyassin@gmail.com

Wan Salihin Wong Abdullah  
Fakulti Pembangunan Sosial,  
Universiti Malaysia Terengganu,  
21030 Kuala Terengganu,  
Terengganu, MALAYSIA  
salihin@umt.edu.my